

## BAB VII

### IMPAK PROCES PEMULIHAN HAK ATAS TANAH

#### 7.1 Latar Belakang dan Objektif

Bab VII ini akan menjelaskan isu berkaitan dengan impak proses pemuliharaan hak atas tanah yang tidakserasi dan ketidakseimbangan, mengakibatkan ada individu yang menjadi mangsa.<sup>125</sup> Secara analisis, tindakan polisi pemuliharaan hak ke atas tanah bertentangan dengan kepentingan ke atas tanah dan pemegang hakmilik. Ini adalah kerana suatu interaksi sebab dan akibat perbuatan undang-undang yang wujud secara nyata di atas tindakan individu memohon hak dan pejabat pentadbir tanah yang mesti dipatuhi.<sup>126</sup> Sekiranya imbas ketidakjelasan yang timbul, kesan daripada kepentingan ke atas tanah dan perlindungan pemegang milikan tanah dalam pemuliharaan hak ke atas tanah.

Oleh sebab polisi ketua Jabatan Agensi Departement Pertanahan nombor 114-11-2005 tentang *Manual Pendaftaran Tanah Berasaskan Masyarakat Lokasi Terkena Bencana Tsunami* tidak mempunyai takrif yang jelas diwujudkan bukanlah bertujuan memastikan hak dan pertanggungjawapan negara dalam melindungi penguasaan dan pendudukan atas tanah, tetapi memunculkan isu-isu yang berbangkit semasa menjalankan ajudikasi pemuliharaan dan pendaftaran tanah. Dalam hal ini semua hak atas tanah di Indonesia mesti menurut Peraturan Pemerintah nombor 24 tahun 1997 tentang Pendaftaran Tanah, ini tiada satu peruntukan mana-mana undang-undang yang memberikan pengecualian.

---

<sup>125</sup> Arif Gosita, *Relevansi Viktimologi dengan Pelayanan Terhadap Korban Perkosaan* (Beberapa Catatan), Jakarta: IND-Hill, co., 1987, hal. 26.

<sup>126</sup> W., C., L., Van der Grinter, *Asser's Handleiding tot de Beoevening van het Nederlands burgerlijk recht*, Zwolle 1959, hal. 148.; J.C., Houtappel, *De Theorie Van De Rechtspersoon*, Buku tahunan 1974, hal. 794.; G., E., Mulder dan J., W., Fokkens, *De Rechts Persoon als Dader*, Buku tahunan 1976, hal. 493.

Bab ini dan seterusnya memperbincangkan perkara berkaitan daripada impak pemulihan hak ke atas tanah semasa menjalankan adjudikasi tanah didaftar yang merangkumi munculnya perbuatan jenayah, viktimisasi oleh pentadbir tanah dan kecuaiannya. Penulisan ini akan menyentuh atas perkara bersekongkol, pakatan jahat mahupun bersubahat, mengunakan dokumen palsu atau sebaliknya untuk menguatkuasakan hakmilik yang mengandungi perbuatan jenayah dan telah memberikan impak terhadap sistem pemilikan atas tanah, fokus akan diberikan kepada impak daripada perjalanan pemulihan hak atas tanah. Selain daripada perkara berkenaan perbincangan bab ini juga melihat kepada beberapa keadaan yang berpotensi mengakibatkan kemangsaan pihak-pihak yang terlibat semasa proses pemulihan hak atas tanah dijalankan.

## **7.2 Kecacatan Pemulihan Hak Atas Tanah**

Dalam pelaksanaan undang-undang, ada faktor kecacatan diakibatkan perbuatan yang melanggar undang-undang. Ianya impak pelaksanaan tindakan pentadbir tanah berkenaan atas kesesuaian penyenggaraan pendaftaran tanah dengan manual berasaskan komuniti. Dilihat daripada kesannya perbuatan itu merupakan pertentangan dengan undang-undang berkenaan pemberian hak baru atas bermilik dengan cara penegasan hak ke atas tanah. Selain daripada faktor kecacatan, terdapat juga faktor kurang tegas melaksanakan undang-undang. Akibat menjalankan undang-undang tidak tegas terhadap peruntukan perletakhakan berkenaan tanah bermilik dan untuk melindungi atas hakmilik tanah.

Polisi pemulihan hak ke atas tanah tsunami menimbulkan relevansi viktimisasi semasa penyenggaraan hakmilik, dimana pemegang hak dan tanah yang didaftar memiliki hubungan undang-undang secara timbal balik yang menjadi mangsa. Wujudnya mangsa semasa pelaksanaan pemulihan hak atas tanah disebabkan oleh

penyata akuan hak melalui penaipan satu borang penyata akuan. Fakta kesan adalah keadaan-keadaan situasi berkenaan dengan perbuatan kelalaian secara bersubahat memberi kelulusan perihal pemilikan dan hak ke atas tanah berimpak kepada individu yang menjadi mangsa.<sup>127</sup> Oleh sebab itu, individu sebagai mangsa keadaan dapat menuntut Jabatan Agensi Departement Pertanahan berdasar ketentuan undang-undang Kitab Undang-Undang Hukum Perdata fasal 1365 dan fasal 1366 yang menyatakan:

“Setiap individu bertanggungjawab tidak sahaja untuk kerugian yang disebabkan kerana perbuatannya, tetapi jua untuk kerugian yang disebabkan kerana kelalaian atau ketidak hati-hati”.

Sementara itu, perbuatan seseorang individu yang memohon perletakkan hak atas tanah dengan tujuan melakukan perampasan suatu hartamilik individu lain, boleh didakwa dengan jenayah. Ia dilakukan dengan cara membuat aduan kepada balai polis, sebagai dasar untuk mengatasi isu berkenaan dan kompensasi pada individu yang menjadi mangsa.

### **7.2.1 Mangsa Perbuatan Jenayah dalam Pendaftaran Tanah Tsunami**

Sepertimana yang telah diterangkan, proses yang membawa kepada perbuatan jenayah dalam pendaftaran tanah, dan dianggap sebagai kesalahan yang disengajakan untuk dilakukan ke atas hakmilik tanah, ianya sama sekiranya penyata akuan mengandungi unsur penipuan atau kecuaiian yang merupakan tindakan jenayah.<sup>128</sup>

Untuk memberi takrif yang tepat mengenai jenayah dalam pendaftaran tanah amatlah

---

<sup>127</sup> Si Terbabit bertindak dengan sengaja dan sedar, ia bertindak dengan kemungkinan yang mendekati kepastian dan mengetahui sebelumnya bahawa tindakannya akan menimbulkan akibat tertentu. Kepada si terbabit disesalkan bahawa kerana ia tidak menyadari sesuatu yang seharusnya disedarinya, ia tidak mempergunakan kesedarannya. *Op de grenzen van het strafrecht*, Haarlem 1955 dan D., Wiersma, *Het Gevaarlijke en Het Reddende Onbewuste*, Yuridis-psikiatris 1960-1962.

<sup>128</sup> Ini dikategorikan dengan sengaja “bersyarat” dimaksudkan dengan sedar dan mengetahui membiarkan dalam pikiran yang tak dapat diabaikan dan dengan adanya syarat kedua, iaitu adanya kemestian untuk mengikut dan tertakluk dibawah Manual, yang ditentukan tanpa dasar. Ph., S., Frenkel, *Bijdrege tot de leer van het voorwaardelijk opzet*, disertasi Utrecht, 1917, hal. 237.: Pompe, hal. 179.: Van Hamel-Van Dijk hal. 296 dan 503.

sukar. Ianya dilakukan secara perseorangan atau secara berkumpulan dengan niat ingin menguasai dan memiliki hak ke atas tanah. Dengan sebab kesalahan ini, ianya mempengaruhi komuniti sebagai usaha menerapkan situasi kriminogenik yang melanggar hakmilik pihak lain.

Dalam erti kata yang lain, permohonan hak berdasarkan borang penyataan ke atas tanah tiada kebenaran, adalah dianggap sebagai peneroka haram milik tuannya tanah-tanah. Sebarang proses yang mengandungi unsur tindakan jenayah dalam pendaftaran tanah adalah disebabkan ketidakjelasan suratikatan dokumen bukti pemegangan tanah. Keadaan ini telah menghilangkan catatan-catatan pemilikan dari semasa ke semasa sekalipun asasan pemilikan tidak berubah.

Setengah daripada pemegang hak berpendapat bahawa terdapatnya hak-hak yang disifatkan sementara, seperti memegang sijil hak tanggungan (gadai janji), hak menumpang dan sewa-beli kediaman yang dilaksanakan oleh pemilik dari masa ke semasa dalam tempoh yang cukup lama. Contohnya, manakala pihak ahli waris pemilik asal tidak berada dan bertempat tinggal dalam kawasan kampung tempatan, ini amat memberikan peluang kepada pihak yang menempati tanah itu mengakui seolah-olah dialah pemilik yang sah. Selain daripada itu, urusniaga tanah yang tidak berdaftar untuk memindahmilik petak lot tanah dan tidak dikuasai secara nyata oleh pemilik baru, ia memberikan peluang berlaku bagi berniat buruk untuk mendakwa pemegangan ke atas tanah itu.

### **7.2.2 Keadaan Khas: Viktimisasi oleh Pentadbir Tanah dan Pemindahhakmilikan Tanah**

Pemindahhakmilikan atas tanah dikehendaki dilakukan dengan bukti-bukti yang cukup tentang terjadinya peralihan hakmilik atau bertukarnya penguasaan benda dengan cara beralih untuk pengambil kenikmatan faedah daripada tanah itu. Secara

prinsip, bentuk bertulis yang didaftarkan, jika suratcara itu merupakan dokumen bukti dari penyerahan pemberian atau beralihnya penguasaan, ertinya apakala pernyataan dan penyerahan atas tanah dan adanya dokumen rasmi tentang pemberian maka yang demikian adalah yang mesti didaftarkan. Manakala pemindahhakmilikan itu dilakukan dalam bentuk bertulis yang tidak perlu didaftarkan jika isi hanya menyatakan telah terjadi pemindahan. Segala kesan yang didapati adalah ahli waris yang mempunyai hak atas tanah mengetahui dengan lebih luas dan mendalam segala proses adanya perbuatan pindahmilik tanah yang jelas di sisi undang-undang sebelum tsunami.

Fakta dari kesan viktimisasi ini timbul oleh kerana persoalan yang tidak diselesaikan sebelum tsunami. Sekiranya mendapati, pemegang hakmilik dinafikan secara sepenuhnya bagi tindakan kacau-ganggu dan kecuaiian yang akan terjadi dalam pemulihan hak atas tanah. Persoalan ini muncul daripada perbuatan penggelapan, perampasan hak, dan menduduki tanah berserta dengan pengeluaran surat keputusan atau penetapan dikeluarkan surat tanda bukti hak atas tanah, seperti: hakmilik, hak guna bangunan dan hak pakai atas tanah milik komuniti kampung, yang terlebih dahulu mempunyai bukti hak atas tanah.

Perolehan atas hak tanah melahirkan hubungan undang-undang antara pemegang hak dengan tanah, mengikut pemberian hak ke atas lot-lot tanah di bawah keadaan dan mengandungi unsur-unsur seperti subjek memohon hak, pelan lokasi tanah dan bukti-bukti perolehan. Permohonan hak, fakta yang menjadi hal kejadian sebab atau kesan secara berlangsung atas data peribadi dengan memberikan peluang bagi orang yang berhak untuk membuat tuntutan dan membuktikan milikan terhadap tanah yang dipohonkan hak daripada tanah itu. Pelan lokasi tanah, berhubungkait dengan letak lot-lot tanah dihuraikan dalam pelan lokasi bersertamerta titik-titik tanda sempadan secara

tegas bersesuaian dengan prinsip pakatan dipersetujui bersesama pemilik bersempadan dan bukti-bukti perolehan hak secara turun-temurun dan sah di sisi undang-undang.

Pentadbir tanah hanya mengikut kepada penaipan borang surat pernyataan penguasaan fizikal dan tanda sempadan berdasarkan asas kesepakatan pihak-pihak dan melihat fizikal tanah dalam pengukuran, penyata akuan dilakukan dengan niat baik sepatutnya dapat dipercayai, dan surat pernyataan yang digunapakaikan itu membuktikan bahawa adanya kebenaran atas milik hak atas tanah. Interpretasi penyata akuan untuk mengenalpasti bahawa pernyataan yang dibuat oleh pemohon dibuat dengan arahan polisi Departement Agensi Pertanahan nombor 114-II-2005 dan bukannya disebabkan oleh apa-apa pengaruh ke atasnya. Dalam mentafsirkan samaada kesalahan dan melawan di sisi undang-undang adalah untuk melakukan suatu perbuatan peristiwa yang bertentangan dengan ketelitian yang dipandang dalam pergaulan komuniti mahupun terhadap orang lain walaupun atas perbuatan itu tidak dilakukan secara terpaksa, dan cuba membuktikan bahawa pemohon bertindak seperti yang diharapkan dalam pergaulan komuniti.<sup>129</sup> Perkataan akuan ini tidak menjadi suatu unsur penting untuk melengkapkan kesalahan dan boleh ditinggalkan daripada pertuduhan tanpa menjejaskan kesalahan pertuduhan itu. Walaubagaimanapun akuan dibuat secara sengaja dengan niat untuk melakukan perbuatan merampas milikan orang lain secara tidak jujur menyalahgunakan keadaan.

Sebelum hak atas tanah dilaksanakan rekod mahupun pencatatan pembukuan dan pengeluaran surat tanda bukti hak, terlebih dahulu dibuktikan adanya hak atas tanah dan pemegangan hakmilik. Dasar keperluan pembuktian untuk memastikan milik dan penguasaan atas tanah, di mana suatu keadaan senyatanya, seseorang menguasai suatu hartabenda, namun secara juridikal formaliti hartabenda itu belum tentu miliknya. Hak

---

<sup>129</sup> Hazewinkel-Suringa, *De Betekenis Van Het Woord Wederrechtelijk Inde Strafwet*, 1932, cetakan ke-4, hal. 138.; J. M. Van Bemmelen, *Wederrechtelijke Bevoordeling*, 1972, hal. 285.

subjektif menurut yurispruden adalah tidak didapati asas pembenar menurut undang-undang berhubungkait hak atas kebendaan, yang merupakan autoriti bagi seseorang diakui di sisi undang-undang dan autoriti yang diberikan kepada pemilik untuk mempertahankan kepentingan atas hartabenda.

Permasalahan yang dihadapi oleh pentadbir tanah dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan atas tanah dalam memandu proses pengumpulan data juridikal dan data fizikal untuk didaftar milik tanah melalui pemulihan hak, adalah seperti berikut:

- a. Tidak tersedia dokumen bukti-bukti bertulis berkaitan perolehan penguasaan milik atas nama pemegang hak, dokumen suratcara pengikatan urusniaga, sewa beli atau menduduki dan menguasai secara turun-menurun daripada moyangnya/datuk mahupun sebaliknya terhadap tanah yang dikemukakan permohonan pendaftaran tanah dalam memperolehi sijil hakmilik;
- b. Apakala pemilik tanah gagal untuk menunjukkan titik tanda-tanda sempadan tanah dan tidak diketahui kewujudan pemegangan pemilikan, bagi menjalankan proses pentadbiran pendaftaran tanah maka, tanah yang berkenaan dianggap sebagai tidak dikenalpasti pemegangan hak dan sempadan tanah; dan
- c. Pemilik tanah tidak menguasai secara fizikal tetapi mempunyai bukti hanya data juridikal dalam bentuk dokumen suratcara atas tanah yang dikuasai oleh pihak lain mahupun atas tanah telah musnah.

### **7.3 Perbuatan Yang Melanggar Undang-Undang**

Tiap-tiap perbuatan yang melanggar hak subjektif orang lain dan hartabenda, bertentangan dengan kewajipan undang-undang si terbabit. Orang yang dikenakan kesalahan menyebabkan adanya kerugian bagi orang lain akibat daripada

perbuatannya, berkewajiban membayar ganti rugi. Perbuatan nyata akan hak dalam permohonan pendaftaran tanah baik bagi pihak yang berkenaan maupun pihak pentadbir tanah, melakukan perkara yang telah melanggar hak subjektif pihak lain yang mempunyai kepentingan atas tanah itu ataupun bertentangan dengan asas tatasusila, asas kepatutan, asas ketelitian dan sikap hati-hati yang harus dimiliki oleh pentadbir tanah dan pihak-pihak pemohon hak terhadap kepunyaan orang lain dikatakan membawa kepada perbuatan bertentangan undang-undang.

Unsur delik tindakan jenayah yang melekat dalam diri pemohon hak adalah jika perbuatan itu menunjukkan bahawa dia mengambil tanah yang sekarang dalam penguasaannya sebahagian atau seluruhnya milik orang lain dan dilakukan secara nyata dengan maksud memiliki secara berlawanan dengan undang-undang. Selain daripada itu dia juga dengan cara membuat suratcara dokumen palsu atau memalsukan suratcara dokumen dengan maksud mempergunakan atau menyuruh orang lain mempergunakan seolah-olah pemohon sebagai pemilik atas tanah.

Keterangan-keterangan yang diberikan pengetua atau ahli-ahli jawatankuasa kampung maupun saksi terlibat secara nyata secara tidak jujur mengandungi kenyataan palsu membawa kepada hasil subahat yang menyalahi undang-undang terhadap pemilikan atas tanah memiliki hubungan timbal-balik impak daripada persetujuan milikan atas kuasa hakmilik individu menjadi tindakan jenayah.<sup>130</sup> Didapati bahawa pemohon telah melakukan suatu kesalahan secara tidak jujur dengan niat menghendaki tanah didaftar atas namanya menyebabkan kerugian pada orang lain.

---

<sup>130</sup> Mereka dapat dianggap sebagai “pelaku bersesama” bererti, bahawa kita tidak boleh mengira yang satu sebagai pelaku dan yang lain sebagai orang yang turut serta. Menurut Noyon mengenai delik yang dilakukan adalah pelaku dan dalam hubungan antara mereka adalah pelaku bersesama. Noyon T., J., *Het Wetboek Van Strafrecht Verlaard, Arulem*, 1926, hal. 313.: E., J., Anneveldt, *Strafrechtelijke Aansprakelijkheid Van Deelnemers En Andere Derden* (Pertanggungjawapan menurut hukum jenayah dari para peserta dan orang-orang ketiga lainnya) Disertasi Groningen, Den Haag, 1953, hal 48.



Ketidaksesuaian mungkin muncul dalam keterangan-keterangan yang diberikan untuk dijadikan asas hak tidak benar maka perbuatan yang dilakukan merupakan tindakan jenayah pertanahan yang boleh membawa kepada hukuman.<sup>131</sup> Perbuatan melawan undang-undang ditafsirkan sebagai perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang bertulis mahupun undang-undang yang tidak bertulis.<sup>132</sup> Pihak-pihak pemohon hak merasa mengaku diri sebagai berkuasa dalam milikan ke atas tanah semestinya melihat keseluruhan satu kelengkapan sebab kerana gerak-geri untuk pemohon hak yang memainkan peranan sebagai penyebab yang sebenarnya.<sup>133</sup> Kesulitan yang dihadapi di sini adalah, bagaimanakah caranya untuk menentukan niat jika ia melakukan dengan sengaja memohon hak, yang telah mengakui dan menguasai kepentingan ke atas hak, maka ia di anggap berniat untuk melakukan perbuatan itu.

Dengan itu, pelanggaran terhadap hakmilik pihak lain sudah dianggap bertentangan dengan undang-undang manakala pemohon hak dalam pendaftaran tanah tidak bertindak berdasarkan asas berpatutan, ketelitian berserta sikap berhati-hati yang berlaku dalam undang-undang. Dalam jurispruden, perbuatan yang dimaksudkan sebagai melanggar di sisi undang-undang disebut "*onrechtmatige daad*" iaitu melakukan sesuatu sehingga melalaikan kepentingan orang lain atau hartabenda milik orang lain.<sup>134</sup> Dalam rumusannya untuk mensabitkan kesalahan di bawah perbuatan

---

<sup>131</sup> Soni Harsono, *Pokok-Pokok Kebijakan di Bidang Pertanahan Dalam Pembangunan*, BPN, Jakarta 1990, hal. 18.

<sup>132</sup> Muljatno, *Perbuatan Jenayah dan Pertanggungjawapan dalam buku jenayah*, pidato diucapkan pada upacara peringatan Dies Natalis Ke VI Universitas Gajah Mada, 1969, hal. 18

<sup>133</sup> Untuk menentukan ada tidaknya kesalahan ditinjau adalah sifat-sifat dari orang yang melakukan perbuatan itu, dengan dilihat pada masa ia melakukan perbuatan jenayah. Simon D., menyatakan bahawa kesalahan adalah keadaan psychis individu yang melakukan perbuatan dan hubungan dengan perbuatan yang dilakukan. Simon D., *Leerboek Ned. Strafrecht Gedrukt*, Bijgewerkt door wpj pompe, Groningen, 1937, hal. 187.

<sup>134</sup> Enschede menyatakan, tindak jenayah adalah suatu perbuatan manusia yang termasuk dalam perumusan delik, melawan undang-undang dan kesalahan yang dapat dicelakanpadanya. Ch. J. Enschede, *Beginnelsen Van Strafrecht*, zesde druk, bewerkt door C. F. ruter en S., A., M., stolwijk, kluwer, Deventer, 1987, hal. 29.: G. A. Van Hamel, *Inleiding tot de studie Van Het Nederlands Strafrecht vierde druk*, Bilgewerkt door J., V., Van Dijck, Haarlem, De Erven F., Bohn, 1927, hlm. 216.: T.J. Noyon, -G., E., Langemeijer, *Het Wetboek Van Strafrecht*, zevende druk, bewerkt door R Emmelink, Gounda quint, Arnhem, 1972, hlm. 19.

yang bertentangan dengan undang-undang ini, maka mustahak dipastikan tempoh masa memohon itu pihak pemohon melakukan kriteria seperti berikut<sup>135</sup> :

- a. Melanggar hak subjektif orang lain;
- b. Bertentangan dengan kewajipan undang-undang yang melakukan perbuatan itu;
- c. Bertentangan dengan kesusilaan mahupun asas-asas pergaulan komuniti mengenai penghormatan diri orang lain atau terhadap hartabenda orang lain.

Kesemuanya berhubungkait berkenaan daripada kewajipan yang dimiliki pemohon pendaftaran hak dalam pergaulan bersesama individu terhadap hartabenda orang lain. Pada dasarnya, pemegang atau pemilik hartatanah berniat baik atau buruk, mendapat perlindungan undang-undang kerana hak menguasai dan mendapatkan hak atas tanah yang dikuasainya, sampai dengan adanya keputusan hakim yang menyatakan lain terhadap subjek hak.

Hak-hak yang dinikmati oleh yang menguasai, hanya bersifat sementara kerana manakala putusan hakim menyatakan bahawa penguasaannya tidak sah, maka ia sesegera untuk menyerahbalik kepada pihak yang berhak atas tanah yang dimaksud.<sup>136</sup> Pengeluaran sijil hak atas tanah merupakan suatu hasil Pejabat Tata Usaha Negara, sehingga atasnya berlaku syarat-syarat undang-undang pentadbiran negara. Kesan daripada tindakan undang-undang dalam pengeluaran sijil yang dilakukan oleh seseorang Pejabat Tata Usaha Negara, memperolehinya sahaja merupakan perbuatan bertentangan dengan undang-undang. Ia merupakan ketidaksahan terhadap pemegangan hak direkodkan dalam sijil hakmilik tanah mahupun kesalahan atas letak tanah.<sup>137</sup>

---

<sup>135</sup> L., C., Hofmann, *Het Nederlands Verbintenissenrecht*, Eerst Deel, Deolgemene leer der Verbintenissen, tweede druk, J. B. Wolters, Batavia, 1932, hal. 257-265.

<sup>136</sup> Asser-Scholten Paul, *Algemeen Deel*, Tweede druk, Tjeenk Willink, Zwolle, 1954, hal. 17-20.: J. Ph. Suijling, *Hak-hak Subyektif Dalam Hukum Sivil dan Hukum Publik Positif*, diterjemahkan oleh R. Hoesien Soemadiredja, Bandung: Arrmico, 1985, hal. 3.

<sup>137</sup> Tiap-tiap bentuk kesalahan, secara sengaja mahupun kealpaan, sudah termaktub dalam hubungan dengan sifat melawan hukumnya perbuatan. Mezger Edmund, *Strafrecht I Allgemeiner Teil*, 1952, hal. 155. : Hattum W., F., C., Van Hand-en Leerboek Ned., *Strafrecht Algemeene Leerstukken*, 1953, hal. 112.

Walaupun bagaimanapun, kesan adanya perbuatan jenayah bergantung kepada faktor prosiding, seperti kejelasan dasar mengenai prosedur pemulihan hak atas tanah, mereka yang terlibat dan yang melaksanakannya, serta kesahsiahannya mereka yang bersangkutan secara nyata. Fakta ringkasnya adalah sebagai berikut, tindakan yang dijalankan oleh pentadbir tanah merupakan bidangkuasa mentadbir atas perakuan hakmilik. Ia dikehendaki sebagai tindakan bidangkuasa tatanegara, kerana dianggap berkuatkuasa untuk mewakili negara dalam melakukan pengakuan dengan melakukan pemberimilikan hak ke atas tanah.<sup>138</sup> Fasal 6(1)(2) *Reglemen Acara Sivil* menyatakan bahawa pihakberkuasa yang secara undang-undang dinyatakan semestinya memikul pertanggungjawapan sivil dan jenayah dalam melaksanakan pemerintahan, adalah Presiden atau Perdana Menteri, dan ianya merupakan pertanggungjawapan pihakberkuasa. Ianya berimpak kepada membayar gantirugi, manakala unsur-unsur daripada fasal 1365 Kitab Undang-Undang Hukum Perdata yang diterapkan dapat dibuktikan. Unsur-unsur ini adalah:<sup>139</sup>

- a. Suatu perbuatan yang bertentangan undang-undang telah dilakukan oleh pihakberkuasa dalam memberikan kelulusan hak atas tanah;
- b. Perbuatan pihakberkuasa yang telah melanggar undang-undang yang harus didakwa;
- c. Telah menimbulkan kerugian kepada perayu yang mendakwa samaada kerugian yang bersifat material ataupun imaterial;

---

<sup>138</sup> Ia berstatus sebagai *Manus Ministra* yang berbuat zonder opzet, schuld of toerekening suaatbaarheid, tetapi tidak di dapati alasan-alasan untuk membenarkan perbuatan mengeluarkan polisi, sehingga keputusan polisi tidak dapat mereupakan alasan penghapusan jenayah atau alasan pembenar yang berarti bahawa perbuatan ketua jabatan Departement Agensi Pertanahan oleh undang-undang dibenarkan dari unsur melawan undang-undang, perbuatan itu menjadi hapus sehingga bukan merupakan tindakan jenayah.

<sup>139</sup> W., J., Slagter, *De Relativiteit Van De Onrechtmatige daad*, In Het Bijzonder In Het Verkeersrecht, dimuat dalam Verkeersrecht, Juridisch maanblad, Betreffende Het Verkeersrecht, Dertigstejaargang, nombor 10, 1982, hal. 303-317.: Asser's-A. S. Hartkamp, *De Verbintenis Vit de wet, Achtstedruk*, Tjeenk Willink, Zwolle, 1990, hlm 87. : G., E., Lange Meijer, *De Practische Betekenis Van De Relativiteit der Onrechtmatige daad*, Nederlandsh Juristenblad, 1940, Nombor 17, Tjeenk Willink, Zwolle, hlm 385.

- d. Adanya hubungan sebab dan akibat antara kerugian yang ditimbulkan dengan perbuatan melanggar undang-undang itu dalam pendaftaran tanah;
- e. Tidak terdapat *rechtmatic gronden* daripada tindakan pihakberkuasa terhadap pendaftaran tanah dalam pemulihan hak atas tanah.

Untuk menentukan sesuatu perbuatan pemohon hak yang digolongkan sebagai perbuatan melawan undang-undang, adalah melalui:

- (i) Sifat bertentangan undang-undang yang formaliti dan sifat bertentangan undang-undang material yang kesemuanya bahagian objektif daripada undang-undang jenayah; dan
- (ii) Perbuatan pemohon hak dinyatakan bertentangan dengan undang-undang yang formaliti manakala perbuatan itu bersesuaian dengan rumusan delik sebagaimana ditentukan dalam undang-undang jenayah.

Manakala perbuatan bersifat bertentangan undang-undang material adalah perbuatan yang di luar undang-undang atau berlawanan dengan norma-norma kehidupan dalam komuniti dan perbuatan tercela. Teori undang-undang jenayah positif Indonesia yang terpenting adalah tidak seseorang pun dapat dihukum kecuali manakala tindakan itu memang benar-benar bersifat melanggar undang-undang dan perbuatan itu telah dilakukan berdasarkan dengan kesengajaan di atas suatu perbuatan jenayah. Setiap pemberitahuan atau pernyataan tidak benar secara bertulis dapat dianggap sebagai menimbulkan akibat undang-undang hak dan kewajiban yang dikehendaki untuk dimanfaatkan oleh pemohon hak merupakan perbuatan yang dapat penghukuman manakala ianya dapat menimbulkan suatu kerugian.

Untuk menjatuhkan sesuatu hukuman jenayah terhadap pihak pemohon hak, tidak cukup manakala hanya terdapat tindak jenayah melainkan harus adanya pembabitan daripada perbuatan itu dengan telah dilakukan perbuatan bertentangan undang-undang dengan sengaja mahupun tidak dengan sengaja. Adanya dalil-dalil penyebab daripada perbuatan berlawanan dengan undang-undang tindak jenayah harus dirumuskan kerana disyaratkan terdapatnya suatu tindakan yang dilarang ataupun kewajipan undang-undang dan telah dinyatakan sebagai suatu tindakan yang dapat penghukuman. Sebagai pelanggaran terhadap larangan atau kewajipan menurut undang-undang, tindakan jenayah harus memenuhi semua unsur daripada delik yang telah dirumuskan sebagai tindakan jenayah.

Pelanggaran undang-undang yang berlaku terhadap fasal 263 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana, digolongkan dalam pelanggaran undang-undang aduan absolut dengan menghuraikan peristiwa menjadi perbuatan tindak jenayah yang diduga telah melakukan kerugian atas diri tuannya tanah. Pelanggaran undang-undang aduan absolut memberikan tuntutan yang difailkan mengikut rakat bidangkuasa kepada lembaga-lembaga negara yang tidak sahaja mengadakan tuntutan terhadap pihak pemohon yang telah melakukan tindak jenayah tetapi terhadap pihak lain yang bersubahat daripada jenayah itu. Perbuatan pemohon hak dianggap sebagai motif daripada perbuatan yang dilarang oleh undang-undang.

Perbuatan itu telah selesai dilakukan dan terjadi bantahan atau gugatan oleh pihak lain yang merasa lebih berhak atas tanah itu. Perbuatan tindak jenayah dalam pendaftar hak atas tanah secara materil bersesuaian dengan ajaran undang-undang jenayah yang bertentangan dengan undang-undang material, iaitu perbuatan jenayah tidak hanya merupakan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang bertulis

sahaja, tetapi termasuk dalam perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang tidak bertulis.

#### **7.4 Jenayah dan Hukumannya**

Kesalahan yang dilakukan pemohon hak boleh terjadi kerana penipuan yang diiringi dengan kesengajaan serta kesalahan atas objek dan subjek undang-undang dalam pendaftaran tanah akan menghasilkan kecacatan dan itu batal demi undang-undang terhadap sijil hak. Kesalahan dalam pengeluaran sijil hak sangat mudah menjadi dalam keadaan selepas tsunami kerana telah hilangnya sempadan tanah serta subjek hak tidak diketahui kewujudannya dan disertai kemungkinan adanya unsur-unsur penipuan, kesesatan dan atau paksaan dalam pembuatan data fizikal mahupun data juridikal hak yang dipohon untuk dilakukan pencatatan pembukuan dan pengeluaran sijil hakmilik atas tanah.

Sekalipun hanya dibuktikan dengan menggunakan bukti minimum, harus dihukum adanya kebenaran materil, kerana diputarbelitkan menyebabkan pihak lain terpaksa menerima apa yang kurang daripada harta sebenarnya atas kepentingan hakmilik.

Fasal 263, antara lain memperuntukan:

- (2) Barangsiapa membuat surat palsu atau memalsukan surat, yang dapat menerbitkan sesuatu hak, sesuatu perjanjian atau sesuatu pembebasan hutang atau yang boleh dipergunakan sebagai keterangan bagi suatu perbuatan dengan maksud akan menggunakan atau menyuruh orang lain menggunakan surat-surat itu seolah-olah surat itu asli dan tidak dipalsukan, maka sekiranya mempergunakannya dapat mendatangkan sesuatu kerugian, ianya harus dihukum kerana pemalsuan surat dengan hukuman penjara selama-lamanya enam tahun;
- (3) Hukuman yang serupa dikenakan mereka yang dengan sengaja menggunakan surat palsu atau yang dipalsukan itu seolah-olah

surat itu asli dan tidak dipalsukan, darihal mempergunakan dapat mendatangkan suatu kerugian.

Ketetapan fasal 263, elemen yang merupakan unsur-unsur tindakan jenayah dapat dikenakan hukuman kerana perbuatan keingkaran di sisi undang-undang. Ia merupakan kesalahan secara sengaja membuat memalsukan surat dengan maksud-maksud untuk mendapatkan sesuatu hak, dipergunakan sebagai keterangan bagi perbuatan atau menyuruh orang lain mempergunakan surat itu seolah-olah surat itu asli, sehingga mendatangkan kerugian bagi orang lain. Sekalipun unsur penipuan, membuat keterangan palsu, memalsukan surat atau dokumen dan melakukan perusakan titik lot terhadap hakmilik orang lain hanya menyentuh kepentingan perseorangan pemilik atas tanah, namun kerana ianya menyentuh atau mengganggu hak kebendaan komuniti dalam rangka pendaftaran hak atas tanah, maka perbuatan itu tetap digolongkan sebagai tindakan jenayah.

Sifat-sifat daripada perbuatan jenayah berlaku terhadap diri memohon hak atas tanah, dengan sengaja ataupun telah tidak dengan sengaja melakukan perbuatan itu di dalam permohonan pendaftaran tanah merupakan suatu perilaku bersifat bertentangan dan dilarang oleh undang-undang. Perbuatan yang dilarang merupakan perbuatan berlawanan undang-undang. Dalam pentadbiran dan perlindungan hakmilik atas tanah selepas tsunami terdapat peraturan hukuman jenayah terhadap pelaku jenayah pertanahan larangan pemakaian tanah tanpa hak diperuntukan dalam fasal 15, fasal 52 Undang-Undang Nomor 5 Tahun 1960 tentang Peraturan Dasar Pokok-Pokok Agraria (Undang-Undang Nombor 5 tahun 1960 tentang Undang-Undang Asas Tanah), dan fasal 6(1) Undang-Undang nombor 51 tahun 1960.

Orang yang melakukan apa-apa tindakan membuat persediaan atau melanjutkan perlakuan kesalahan pertanahan yang diancam dengan hukuman yang

dapat dikenakan disebabkan oleh pengubahanan pemilikan atas tanah, dan perilaku curang ke atas tanah, sebagaimana yang ditakrifkan dan tertakluk peruntukan-peruntukan di bawah fasal 167, fasal 385 dan fasal 368 Kitab Undang-Undang-Hukum Pidana, dan fasal 42(1) Peraturan Pemerintah nombor 10 Tahun 1961 tentang Pendaftaran Tanah. Dengan berkuatkuasanya ajaran berlawanan undang-undang material maka ketetapan fasal 1(1) Kitab Undang-Undang Hukum Pidana telah berlaku negatif. Asas legaliti yang menentukan bahawa memohon hak tidak dapat diberi hukuman kecuali undang-undang mengaturnya terlebih dahulu dan ketetapan ini telah disingkirkan dengan berkuatkuasanya asas bertentangan undang-undang material.

Tafsiran ajaran sistem pembuktian *negatief wettelijk bewijsleer*<sup>140</sup>, di dalamnya *Herziene Indonesische Reglement*<sup>141</sup> terkandung daripada maksud ketetapan fasal 294(1), yang berbunyi:

“Tidak seorang pun boleh dikenakan hukuman, melainkan jika boleh memuaskan hati hakim untuk mendapat kesahihan dengan beban bukti yang sah, bahawa benar telah terjadi perbuatan yang dapat dihukum dan bahawa telah terjadi perbuatan yang dapat dihukum dan bahawa orang yang dituduh itulah yang salah tentang perbuatan itu.”

Ketetapan jenayah ini setidak-tidaknya diharapkan dapat digunakan sebagai upaya untuk mendapatkan perlindungan undang-undang kepada pemunya asal yang sah. Manakala terbukti bahawa pernyataan tersebut tidak benar, maka pemberian pernyataan disepadukan ke dalam sistem proses pendaftaran tanah bagi membolehkan percubaan untuk melakukan apa-apa kesalahan seperti tindakan jenayah samaada memberikan pernyataan palsu merupakan satu kesalahan dan jika sabit kesalahan dia

---

<sup>140</sup> Beban pembuktian tertakluk peruntukan undang-undang, bersesuaian dengan apa yang telah ditetapkan, suatu keharusan bagi pihak mendakwa dan menyanggah dalam perkara-perkara sivil untuk menentukan mengemukakan pembuktian yang semestinya diberikan menurut keadilan.

<sup>141</sup> Reglemen Indonesia yang dibaharui berdasar Lembaran Negara 1941 No. 44. Memuat tentang hukum acara pada pengadilan Negeri di Jawa dan Madura; Sekarang dipergunakan hanya sebagai pedoman.



boleh dihukum mengikut hukuman yang ditetapkan tertakluk kepada fasal 242 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana.

Hal ini berkaitan dengan kesalahan yang melibatkan penipuan atau ketakjujuran dalam proses aktiviti pemulihan ke atas hakmilik di dalam sistem penaipan borang penyata akuan. Ianya bertujuan untuk menampakkan seolah-olah ia adalah pemunya yang sah berkaitan dengan pertanggungjawapan terhadap kebenaran material beban dokumen-dokumen bukti milikan hak ke atas tanah.

### **7.5 Negligence atau Cuai**

Dalam undang-undang anglo saxon tingkahlaku seseorang boleh dikatakan *negligence* atau kecuai yang membawa maksud suatu ukuran tentang tingkahlaku, sikap atau tindakan yang kurang berhati-hati. Pelanggaran terhadap suatu kewajipan untuk berhati-hati atau cuai dapat dirumuskan sebagai suatu ketidakmampuan pemohon hak atau pentadbir tanah, untuk bertindak bersesuaian dengan suatu tingkahlaku dalam penyata akuan hakmilik memberi hak status jenis pemilikan ke atas tanah.

Unsur kesalahan, umumnya dikaitkan dengan persoalan tidak dipenuhi suatu tingkahlaku dengan persoalan risiko, suatu bahaya atau kerugian yang dapat dibayangkan akan terjadi. Kelakuan mana-mana pihak pemohon dengan tidak memenuhi ukuran yang ditentukan oleh undang-undang untuk melindungi kepentingan pihak-pihak lain terhadap timbulnya suatu risiko bahaya, yang secara logika tidak perlu terjadi, manakala pemohon hak dan pentadbir hak atas tanah bertindak berhati-hati.<sup>142</sup>

Suatu kewajipan untuk bertindak berhati-hati dirumuskan sebagai suatu keharusan yang diakui oleh undang-undang yang mensyaratkan supaya seseorang bertindak bersesuaian dengan suatu ukuran tingkahlaku tertentu untuk melindungi

---

<sup>142</sup> H., M., G., Ned., Indie 22 Ogoes 1947, N.J. 1948 nombor 273. : D., Van Eck, *De Rechtspraak Over Causaliteit En Aansprakelijkheid Voor Gevolgen In Het Strafrecht* T., V., S., 1967, hal. 216.

individu-individu lain terhadap risiko yang menurut logik sebenarnya tidak perlu terjadi. Ada dua hal yang dapat dipakai dalam menentukan pemohon hak yang telah melakukan perbuatan merugikan telah melanggar kewajiban untuk bertindak hati-hati. Pertama, sebagai prinsip umum dapat digolongkan bahawa manakala secara am dapat dibayangkan akibat yang akan timbul daripada perbuatan yang dilakukan. Kedua, kausal yang menimbulkan akibat yang dapat diperkirakan ada.<sup>143</sup> Namun demikian, tidak bermaksud bahawa pemohon hak yang memiliki pertimbangan terhadap kualiti pengemukakan permohonan yang lengkap harus berhati-hati terhadap semua akibat manakala mungkin menjadi disebabkan oleh penyata akuannya terhadap akuan milik atas tanah.

Dari segi tindakan pentadbiran tanah akibat yang mesti dibayangkan terjadi adalah risiko daripada perbuatan yang ditimbulkan yang menurut logika mungkin terjadi terhadap pertanggungjawapan dokumen permohonan hak atas tanah. Namun begitu ianya tidak terlepas daripada kenyataan sejarah asal usul milik hak atas tanah, dengan melihat daripada jenis status hak objek tanah. Kualiti kedudukan pemohon hak atas tanah kepada pentadbir tanah, adalah dimana pentadbir tanah menganggap masih perlu untuk menyelidiki lebih lanjut tentang kesahan perbuatan mengemukakan permohonan hak atas tanah terlebih dahulu serta ianya dibuktikan.<sup>144</sup>

Ini bertujuan supaya ianya tidak berlanjutan kepada berlakunya pengukuran dan pembuatan pelan lokasi situasi yang membawa kepada pencanggahan undang-undang oleh pihak pemohon pendaftaran tanah secara tanpa hak mengakui tanah kepunyaan pihak lain seolah-olah menjadi miliknya. Padahal, dokumen yang tidak

---

<sup>143</sup> B., V., A., Roling, *En Kele Opmerkingen over Strafrechtelijke Toerekening*, Thesis 1938, hal. 331: J., M. Van Bemmelen, *Toerekeningsratbaarheid En Normaliteit*, majalah buat hukum romawi-Belanda 1947, nombor 4.

<sup>144</sup> Salinan Rasmi putusan Mahkamah Agung R.I., tarikh 15 Disember 1983 nombor 275 K/Pid/1983, hal. 3, "... kuatkuasa yang melekat pada jabatannya secara menyimpang, hal ini sudah merupakan *Perbuatan Melawan Hukum*, kerana menurut kepatutan perbuatan itu adalah tercela.

memenuhi syarat undang-undang untuk mengemukakan pendaftaran hak atas tanah adalah batal menurut undang-undang atau setidaknya semestinya dicegah terjadinya pengeluaran sijiil atau tidak mempunyai kekuatan undang-undang yang mengikat apapun. Pihak yang merasa paling berhak atas tanah yang telah dirugikan disebabkan oleh sesuatu tindakan akibat pendaftaran tanah, dapat dipertimbangkan melalui pengemukakan suatu aduan atau tuntutan bagi maksud litigasi jenayah dalam had masa tertentu. Manakala had masa untuk mengemukakan suatu aduan berkenaan, atau tuntutan, maka haknya untuk membawa tuntutan adalah batal.

### **7.6 Asasan Penghukuman atau Keputusan Oleh Hakim**

Dalam sistem acara jenayah yang dipegang Indonesia dalam undang-undang meskipun terdapat bukti-bukti yang sah, hakim tidak semestinya menghukum tertuduh sekiranya bukti-bukti itu tidak dapat menimbulkan keyakinan dalam dirinya terhadap kesalahan tertuduh. Jika sebaliknya terdapat keyakinan yang dimiliki oleh hakim tanpa berdasarkan bukti-bukti yang sah, hukuman ke atas tertuduh tidak dibenarkan. Meskipun polisi penjenayahan tidak ada dalam undang-undang pertanahan, khususnya dalam pendaftaran hak atas tanah pemulihan hak selepas tsunami, tetapi tindakan jenayah dan pelanggaran pendaftaran hak atas tanah dalam pengeluaran sijiil hakmilik tanah atas kebenaran beban bukti hak menjadi pertanggungjawapan individu yang memohon hak dan pentadbir tanah. Sifat berlawanan undang-undang *onrechtmatiggedaad* daripada perbuatan itu telah dianggap delik jenayah, tertakluk dibawah fasal 1365 Kitab Undang-Undang Hukum Perdata. Walaupun ia ditafsirkan sebagai berbuat sesuatu atau melalaikan sesuatu yang melanggar hakmilik pihak lain.<sup>145</sup> Berdasarkan ajaran tentang *adekuasi kerugian*, yang ditimbulkan harus merupakan

---

<sup>145</sup> Van Apeldoorn, *Inleiding Tot De Studie Van Het Nederlandse Recht*, Cetakan Kedelapan Belas, Bewerktdoor P. Van Dijk, C. Flinterman, Cs, Tjeenk Willink, Zwelle, 1985, hal. 36-41.: W. Nieboer, *Materieel Strafrecht*, couda quint BV, Arnhem, 1990, hal. 1.: Yurisprudentie Indonesia 177, dalam Soema Dipradja, RAS, *Pengertian serta sifatnya melawan undang-undang bagi terjadinya tindak pidana*, lampiran IV, Bandung: Armico, 1983, hal. 209.

kerugian yang hendaklah diduga atau dapat diharapkan terjadi dan dapat diminta pertanggungjawaban berdasarkan kepatutan dan keadilan. Dalam undang-undang dan jurispruden yang terdapat definisi kerugian berbeza-beza.

Menurut para sarjana kerugian adalah yang tidak menguntungkan diderita oleh seseorang akibat daripada berlakunya sesuatu kejadian di luar kuasa dan kehendak pemilik yang sah. Kerugian dalam erti yang secara nyata memperoleh penggantian, diderita dalam suatu kepentingan yang dilindungi oleh undang-undang. Dalam amalan mahkamah Indonesia, kaitan antara hubungan kerugian dan gantirugi adalah bahawa suatu pertanggungjawapan gantirugi diberikan daripada pengurangan hak kebendaan itu. Fasal 1365 Kitab Undang-Undang Hukum Perdata tidak menentukan dengan tegas adanya syarat yang menyatakan perbuatan melanggar undang-undang bagi pihak yang dirugikan, tetapi syarat itu dapat diterangkan dalam ajaran *relativitas* atau *schutznormtheorie*.

Menurut konsep tersebut, dimana seseorang melanggar suatu peruntukan undang-undang maka kerugian yang diakibatkan oleh perbuatannya semestinya diganti sekiranya ia bertujuan untuk melindungi kepentingan mana-mana pihak yang dirugikan. Kandungan *ajaran relativiti* merupakan tujuan kaedah-kaedah yang mencapai daripada tiada kewajipan untuk membayar gantirugi manakala ianya tidak bermaksud untuk melindungi kerugian yang diderita oleh pihak-pihak lain yang berkepentingan atas tanah itu. Perbuatan pemohon hak dalam pendaftaran tanah berhubungkait berkenaan untuk mempertanggungjawabannya dan dibuktikan merupakan daripada unsur kesalahan.<sup>146</sup> Ia secara sedar dan sihat boleh dianggap dikehendaki dengan sengaja<sup>147</sup> bermaksud

---

<sup>146</sup> Van Bemmelen, *Ons Strafrecht I*, Algemene Deel Het Materiele Strafrecht, H.D., Tjeenk Willink, Groningen, 1971, hal. 127.

<sup>147</sup> Simons D, *Leerboek Van Het Nederlandse Strafrecht*, P. Noordhoff N.V. Groningen-Batavia, 1937, hal. 234-236.

untuk memohon hak semasa mendaftar milik atas tanah dengan penaipan borang surat pernyataan fizikal dan memasang tanda sempadan lot-lot tanah.

## **7.7 Kesimpulan**

Pemegangan dan pendudukan atas tanah dilindungi oleh negara, pemilikan ini hanya wujud hakmilik atas tanah dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dengan tanah. Dalam konteks ini, segala yang dimuatkan dalam dokumen hakmilik tanah adalah benar sehingga dapat dibuktikan keadaan yang sebaliknya dimana setiap pihak yang namanya bertulis sebagai pemegang hak dalam buku tanah dan sijil selalu menghadapi kemungkinan diganggu-gugat daripada pihak lain yang berasa mempunyai hak atas tanah itu. Ini bererti akibat tindakan-tindakan prosiding dan pada masa adjudikasi dijalankan itu boleh dipersoalkan kerana mengandungi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan dokumen membawa kecuaiian dan pencerobohan.

Semua orang yang terlibat dalam pendaftaran hak atas tanah semasa menjalankan prosiding boleh dihukum manakala menyebabkan pencerobohan, kecuaiian, penipuan atau pakatjahat yang disebabkan oleh salah-seorang daripada pemulihan hak semasa pemberimilikan hak atas tanah. Adalah diujahkan bahawa viktimisasi semasa menjalankan pendaftaran tanah setelah tsunami ini sebagai isu yang boleh dijawab dengan tetap. Biasanya dalam keadaan seperti ini, adalah mengandungi dua asasan iaitu: asas publisiti dan asas spesialisasi. Hal ini mengimbaskan kaedah hubungan pemegangan dan pendudukan atas tanah yang dianggap sebagai hakmilik alasan-alasan yang membolehkan dibuktikan menurut undang-undang.

Selain itu, mewujudkan setiap tuannya hubungan peribadi dengan tanah mengumumkan satu hak yang dia diperolehi. Bahagian ini banyak menyentuh tentang salinan-salinan yang dikepilkan kepada dokumen-dokumen hakmilik. Viktimisasi pemulihan hak atas tanah terletak pada kebenaran pemegangan dan pendudukan tanah.

semestinya diambil perhatian atas kesalahan yang terlibat berkenaan dengan perihal membuat sebarang penyata akuan memiliki tanah. Larangan yang terdapat dalam Kitab Undang-Undang Hukum Pidana ini berdasarkan kesalahan-kesalahan yang merujuk kepada apa-apa fakta yang diakui oleh tertuduh menjadi bukti hukuman yang diperuntukan mana-mana perbuatan yang melanggar.